

## TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN PENGIRIMAN WANG ('REMITTANCE')

Terma dan Syarat ("T&S") ini menjelaskan tanggungjawab Pelanggan dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei ("Perbadanan TAIB") yang berkaitan dengan perkhidmatan pengiriman wang ("Perkhidmatan").

T&S ini perlu dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Am Produk dan Perkhidmatan Perbadanan TAIB, dan Terma dan Syarat Perbankan Digital Perbadanan TAIB.

Dengan melanggan Perkhidmatan ini, Pelanggan mengesahkan bahawa dia telah membaca dan memahami T&S ini dengan teliti dan bersetuju untuk terikat dengannya.

Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S ini dengan perjanjian sebelumnya di antara Perbadanan TAIB dan Pelanggan, T&S ini akan diguna pakai.

### **1. MENDAPATKAN PERKHIDMATAN**

- 1.1 Pelanggan dikehendaki mematuhi T&S ini dan semua keperluan yang ditetapkan oleh Perbadanan TAIB bagi mendapatkan Perkhidmatan.
- 1.2 Pelanggan hendaklah memberikan maklumat yang tepat dan betul di dalam Borang Permohonan yang berkaitan, dan Perbadanan TAIB akan bergantung kepada maklumat yang diberikan.
- 1.3 Perbadanan TAIB berhak menolak sebarang permohonan untuk mendapatkan Perkhidmatan sekiranya Pelanggan tidak mematuhi mana-mana syarat Perbadanan TAIB.
- 1.4 Perkhidmatan yang disediakan adalah berdasarkan prinsip Syariah berikut:

#### *(i) Ujrah*

*Ujrah* merujuk kepada bayaran atau imbalan yang diberikan kepada seseorang sebagai pertukaran untuk perkhidmatan yang diberikan. Berdasarkan konsep ini, Pelanggan akan dikenakan yuran sebagai pertukaran untuk Perkhidmatan.

#### *(ii) Al-Sarf*

*Al-Sarf* bermaksud pertukaran mata wang dengan mata wang dalam jenis yang sama atau berbeza, misalnya; menukar emas dengan emas, perak dengan perak, emas dengan perak atau wang tunai dengan wang tunai, dengan syarat-syarat tertentu menurut hukum Syara'. Dalam konteks Perkhidmatan ini, konsep *Al-Sarf* akan terpakai bagi pengiriman wang ke negara asing atau ke akaun mata wang asing tempatan.

### **2. PERKHIDMATAN**

- 2.1 Perbadanan TAIB berhak untuk melantik bank penghubung, bank ejen, sub-ejen atau agensi lain ("Ejen") untuk melaksanakan arahan Pelanggan.

- 2.2 Pelanggan bersetuju bahawa semua permohonan untuk Perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada had waktu yang ditetapkan ('*cut-off times*') oleh Brunei Darussalam Central Bank ("BDCB") dan Ejen dari masa ke semasa. Mana-mana arahan yang diberikan oleh Pelanggan kepada Perbadanan TAIB selepas had waktu yang ditetapkan maka ia akan diproses pada waktu hari bekerja berikutnya.
- 2.3 Perbadanan TAIB berhak untuk bergantung dan bertindak atas arahan yang diberikan oleh Pelanggan secara bertulis atau melalui saluran elektronik termasuk tetapi tidak terhad kepada Aplikasi Mudah Alih Perbadanan TAIB.
- 2.4 Perbadanan TAIB dianggap telah diberikan kuasa sewajarnya untuk membuat pertukaran mata wang ke atas sebarang jumlah yang diterima daripada Pelanggan atau yang dibayar kepadanya pada satu kadar pertukaran mata wang yang difikirkan sesuai kecuali jika Pelanggan memberikan arahan sebaliknya.
- 2.5 Pelanggan mengakui bahawa sebarang yuran atau caj yang dikenakan bagi pertukaran mata wang tempatan kepada mata wang asing adalah berdasarkan kepada kadar pertukaran mata wang semasa pada ketika itu.
- 2.6 Pelanggan bersetuju bahawa semua arahan yang diberikan kepada Perbadanan TAIB adalah muktamad. Sebarang permintaan untuk menarik balik atau membatalkan arahan tersebut oleh Pelanggan hendaklah dibuat secara bertulis. Perbadanan TAIB berhak untuk menerima atau menolak permintaan Pelanggan untuk menarik balik atau membatalkan arahan terdahulu.

### **3. YURAN DAN CAJ**

- 3.1 Yuran dan caj yang dikenakan untuk Perkhidmatan tersebut adalah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Tarif dan Yuran Perbadanan TAIB, yang boleh dipinda dari masa ke semasa.

### **4. LIABILITI DAN INDEMNITI**

- 4.1 Pelanggan tidak akan mempertanggungjawabkan Perbadanan TAIB termasuk Ejennya ke atas sebarang kerugian atau kelewatan yang berlaku pada bila-bila masa semasa proses penghantaran berkaitan dengan Perkhidmatan ini.
- 4.2 Perbadanan TAIB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi, tetapi tidak terhad kepada:
  - (i) melaksanakan sebarang arahan Pelanggan untuk Perkhidmatan ini;
  - (ii) sebarang kerugian, kelewatan atau kesilapan dalam proses pengiriman wang yang dilakukan oleh institusi kewangan lain;
  - (iii) sebarang bentuk tindakan, tuntutan, kerugian atau perbelanjaan yang mungkin ditanggung atau dikenakan ke atas Pelanggan disebabkan apa jua alasan;
  - (iv) sebarang kerugian yang timbul daripada kekurangan maklumat mengenai ketersediaan mata wang di bank penerima ataupun ketidakmampuan bank penerima untuk memproses arahan pembayaran Pelanggan;
  - (v) sebarang kekurangan yang timbul dari pertukaran mata wang ke atas pembayaran caj.

- 4.3 Pelanggan bersetuju untuk menanggung ganti rugi Perbadanan TAIB dan Ejennya ke atas sebarang tindakan atau kesilapan akibat dari arahan Pelanggan.

### **5. UMUM**

- 5.1 Perbadanan TAIB berhak untuk melaksanakan apa sahaja prosedur keselamatan yang dianggap sesuai atau perlu atau diterima pakai dari masa ke semasa untuk mengesahkan identiti Pelanggan dan bahwasanya arahan tersebut telah disahkan oleh Pelanggan. Perbadanan TAIB berhak untuk meminta pengesahan lebih

lanjut mengenai sebarang arahan daripada Pelanggan dalam apa jua bentuk atau cara yang dianggap sesuai oleh Perbadanan TAIB.

- 5.2 Perbadanan TAIB diberi kuasa untuk mendedahkan sebarang maklumat yang berkaitan dengan permohonan Perkhidmatan ini termasuk maklumat peribadi Pelanggan kepada mana-mana pihak berkuasa kawal selia ataupun untuk tujuan-tujuan yang lain sebagaimana yang dianggap perlu oleh Perbadanan TAIB.
- 5.3 Perbadanan TAIB berhak untuk meminda, mempelbagai atau mengubah suai mana-mana peruntukan dalam T&S ini pada bila-bila masa sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, dan pindaan, kepelbagaian atau pengubahsuaian tersebut akan disampaikan kepada Pelanggan.
- 5.4 Sekiranya terdapat percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Melayu dari T&S ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

[akhir dokumen]